

PM mahu bantuan bulanan OKU segera dilaksanakan

UM - 4/12/2020 m/s: 3

PUTRAJAYA: Perdana Menteri akan memastikan sendiri cadangan kenaikan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk orang kurang upaya (OKU) yang pada masa ini berjumlah antara RM200 dan RM300 dapat dilaksanakan segera mengambil kira keadaan ekonomi serta kos sara hidup semasa.

Menegaskan perkara itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sebagai kerajaan prihatin, golongan itu akan sentiasa di-

beri perhatian dan memastikan tiada seorang pun OKU tercicir menerima bantuan.

Beliau berkata, golongan berkenaan yang termasuk dalam kumpulan masyarakat pastinya mendapat faedah daripada kenaikan itu.

“Saya sendiri beberapa kali turun menemui golongan ini ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang di Setapak serta PPR Taman Sri Keramat, Putatan, Sabah sebelum ini.

“Rentetan itu, kerajaan mengumumkan beberapa ini-

siatif yang boleh membantu golongan OKU dalam Belanjawan 2021 baru-baru ini, antaranya menaikkan bantuan bulanan OKU tidak berupaya bekerja daripada RM250 ke RM300, kadar elaun pekerja OKU RM400 ke RM450 serta bantuan penjagaan OKU daripada RM350 ke RM500,” katanya dalam kenyataan sempena sambutan Hari OKU Sedunia 2020 semalam.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, kempen mendaftarkan OKU perlu dipergiatkan

yang pada masa ini berjumlah 581,265 orang mengikut rekod JKJ.

Katanya, hal ini penting bagi menjamin golongan itu tidak terlepas daripada menerima bantuan kerajaan terutamanya ketika situasi sukar penularan pandemik Covid-19.

“Saya doakan semoga golongan OKU diberikan tempat sebaiknya dalam kalangan masyarakat, seterusnya dapat sama-sama berperanan dalam pembangunan negara,” katanya.